

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP BENGKEL PEMIKIRAN
KRITIS DALAM PEMBELAJARAN MATEMATIK
DI DEWAN KAPITOL, KANGAR PADA 23 MEI 2010

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

Mengadap, Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, yang juga Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke **Majlis Perasmian Penutup Bengkel Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Matematik** pada petang ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada petang ini amat besar ertinya buat kami semua.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

SALUTATION

Yang Berhormat, Tuan Jafperi Othman, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mewakili Menteri Besar Perlis,

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Dato' Mohamad Zabidi Zainal , Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
Ahli – ahli Yang Berhormat

Yang Berbahagia, Jeneral Dato' Seri Che Md Noor B. Mat Arshad (B), Presiden Jemaah Dato'-Dato' Perlis

Yang Berbahagia, Ahli-ahli Jemaah Dato'-Dato' Perlis,

Yang Berbahagia. En. Mansor B. Lat, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Wakil-wakil dari Jabatan Pelajaran Negeri Perlis

Guru-guru Pengiring dan Anak-anak Pelajar yang saya kasihi sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada petang ini dalam **Majlis Perasmian Penutup Bengkel Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Matematik** pada petang ini.

Pertama sekali setinggi-tinggi terima kasih saya panjatkan kepada Jemaah Dato'-Dato' Perlis di atas cadangan melaksanakan bengkel seperti ini. Sesungguhnya "**Bengkel Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Matematik**" ini secara langsung akan membantu meningkatkan tahap penguasaan matematik di kalangan pelajar- pelajar sekolah yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Perlis.

Jutaan terima kasih saya hulurkan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perlis di atas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan bengkel ini. Tidak lupa juga kepada semua Jawatankuasa perlaksana yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Segala jasa dan pengorbanan anda hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dalam era globalisasi pendidikan yang semakin berkembang pesat terutamanya pada zaman milenium ini. Dunia pendidikan mengalami pelbagai perubahan di mana satu ledakan ilmu yang bukan sahaja perlu dipelajari malah perlu dikuasai. Ia menjadi satu kemestian untuk melengkapkan diri seseorang individu agar berupaya menghadapi keseimbangan hidup di dunia kontemporari yang semakin mencabar.

Justeru itu, dengan penganjuran bengkel seperti ini saya percaya banyak input yang telah anda perolehi kerana pelbagai pengisian telah dimuatkan sepanjang bengkel ini seperti teknik menjawab soalan serta pendedahan untuk menguasai subjek Matematik ini. Secara tidak langsung bengkel ini juga dilihat dapat membantu melahirkan golongan celik Matematik dalam usaha meningkatkan pencapaian Matematik di Perlis.

Saya juga yakin dengan bengkel yang dianjurkan ini secara tidak langsung dapat membantu menyemai minat murid terhadap Matematik dan memperkembangkan minat itu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah selain mengikis tanggapan bahawa mata pelajaran Matematik sukar dipelajari.

Tambahan lagi subjek Matematik merupakan subjek yang penting terutamanya dalam membina sebuah negara yang maju. Hal ini kerana Matematik memainkan peranan yang amat besar dalam pelbagai bidang ilmu canggih seperti astronomi, seni bina dan kejuruteraan dan peranan Matematik ini selaras dengan kepentingan subjek Sains kerana pada zaman moden yang berlandaskan teknologi tinggi, pengetahuan dalam bidang Sains dan Matematik yang bermutu tinggi menjadi sangat penting.

Pembangunan dan kemajuan sesebuah negara moden boleh diukur mengikut betapa majunya ilmu Sains dan Matematik diaplikasikan dalam negara itu sendiri. Hakikatnya, kerajaan telah meletakkan kedua-dua bidang ilmu ini sebagai mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan negara. Ini menunjukkan betapa seriusnya usaha kita melonjak ke taraf negara maju mengikut Wawasan 2020.

Hadirin sekalian,

Sekali lagi saya ingin menyeru kepada anda semua agar menjadikan peluang yang diberikan ini sebagai platform untuk mengenalpasti kelemahan dan kekurangan diri anda. Semoga bengkel yang telah diadakan ini secara tidak langsung dapat membantu anda dalam memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan kelak.

Aplikasikan segala ilmu yang dipelajari sepanjang bengkel ini dan saya doakan anak-anak pelajar dihadapan saya ini akan memperolehi keputusan yang terbaik dalam peperiksaan nanti.

Kemahiran asas Matematik di kalangan pelajar perlu diperbaiki untuk menjadikan Matematik lebih menarik. Pelajar yang mempunyai asas Matematik yang kukuh tentunya lebih berkemampuan menghadapi cabaran di lapangan pekerjaan yang semakin mencabar pada masa kini kerana penggunaan Matematik boleh dikatakan menyerap dalam semua aspek kehidupan kita.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Jemaah Dato'-Dato' Perlis dibawah Pimpinan Yg. Bhg. Jeneral Dato' Seri Che Md Noor B. Mat Arshad (B), serta semua ahli jawatankuasa **“Bengkel Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Matematik”** diatas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan bengkel ini. Diharap melalui bengkel ini secara tidak langsung dapat menimbulkan minat yang tinggi dalam subjek Matematik serta membentuk modal insan kamil demi memacu pembangunan Negara.

Ampuan tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili anggota jawatankuasa dan seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke **“Majlis Perasmian Penutup Bengkel Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Matematik”** pada petang ini.

Patik sudahi dengan serangkap pantun :

**Gua Kelam Destinasi Pelancongan,
Tarikan Pelancong Serata Negeri
Ilmu Matematik Menjana Pemikiran,
Menjamin Kelahiran Pelajar Berkualiti,**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.